



GARIS PANDUAN 7

KEBERSIHAN TANDAS MASJID

**MASJID DAN SURAU
NEGERI PULAU PINANG**

TAHUN 2017

GARIS PANDUAN 7

KEBERSIHAN TANDAS MASJID

1. TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan sebagai panduan untuk menyelenggara kebersihan tandas masjid, keperluan dan kemudahan asas termasuk keadaan persekitaran dalaman dan keperluan tambahan lain masjid di Negeri Pulau Pinang.

2. RUJUKAN

- 2.1 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) Tahun 2004
- 2.2 Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid (Negeri Pulau Pinang) Tahun 1997 dan pindaan Tahun 2003.

3. SINGKATAN

AJK : Ahli Jawatankuasa

4 TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN MASJID

- 4.1 Pengurusan masjid bertanggungjawab melantik AJK bagi memantau dan memastikan kebersihan, penyelenggaraan dan penambahbaikan tandas.
- 4.2 Pengurusan masjid bertanggungjawab menyediakan peruntukan kewangan yang secukupnya untuk membiayai kerja-kerja pembersihan, penyelenggaraan dan penambahbaikan tandas. Kerja-kerja pembersihan boleh dilakukan oleh kariah masjid, kakitangan yang digaji atau kontraktor kebersihan yang dilantik.
- 4.3 Pengurusan masjid bertanggungjawab memberi kesedaran dan mendidik pengguna tandas mengenai adab-adab serta akhlak untuk memastikan kebersihan tandas.

5 KEPERLUAN PEMBERSIHAN TANDAS

5.1 Peralatan dan kemudahan tandas

- 5.1.1 Pihak masjid hendaklah menyediakan peralatan asas dan kemudahan yang sesuai untuk digunakan bagi kerja-kerja pembersihan dan kemudahan pengguna.
- 5.1.2 Peralatan tersebut hendaklah disimpan di tempat yang diperuntukkan dalam keadaan bersih dan kering. Peralatan yang digunakan untuk pembersihan tandas dilarang digunakan di bahagian lain kawasan masjid.
- 5.1.3 Peralatan dan kemudahan ini hendaklah berada dalam keadaan baik dan berfungsi sepenuhnya sepanjang masa. Sebarang kerosakan pada kemudahan asas dan kemudahan tambahan hendaklah segera dibaiki atau diganti.

5.2 Pembersihan tandas

- 5.2.1 Tandas hendaklah dicuci dan dibersihkan sekurang-kurangnya sekali sehari atau pada kekerapan yang lebih seperti yang diputuskan oleh AJK kebersihan dan bergantung kepada jumlah penggunaan.
- 5.2.2 Lantai tandas hendaklah dipastikan tidak menakung air terutamanya pada laluan utama tandas yang dikhuatiri akan mencemari ruangan masjid.
- 5.2.3 Kemudahan asas dan kemudahan tambahan sekiranya ada hendaklah sentiasa dibersihkan dan boleh digunakan.

5.3 Pemantauan dan penyelenggaraan

- 5.3.1 Keadaan tandas hendaklah baik dengan pengaliran air yang lancar dan tidak bertakung. Tangki pam hendaklah sentiasa berfungsi sepenuhnya.
- 5.3.2 Tangki septik hendaklah diselenggara secara berkala. Untuk tangki septik yang menggunakan sistem pam, ianya perlu diselenggara mengikut keperluan yang ditetapkan oleh pihak pengurusan masjid. Bagi tangki septik konvensional, ianya perlu diselenggara setiap enam bulan atau mengikut kapasiti penggunaan bagi sesebuah masjid.

5.4 Pengudaraan dan pencahayaan

- 5.4.1 Pengudaraan di dalam tandas hendaklah sentiasa baik untuk mengelakkan daripada keadaan berbau dan lembab.
- 5.4.2 Tingkap hendaklah sentiasa dibuka untuk pengudaraan yang mencukupi. Kipas penyedut udara sekiranya ada hendaklah berfungsi.
- 5.4.3 Jumlah lampu yang dipasang hendaklah mencukupi untuk memberi pencahayaan yang diperlukan.

5.5 Kerja pembersihan berkala

Kerja pembersihan berkala adalah perlu bagi memastikan kebersihan tandas masjid dapat dikekalkan. Berikut adalah cadangan bagi pembersihan harian dan mingguan untuk memastikan kebersihan tandas masjid.

5.5.1 Pembersihan harian

Kerja-kerja pembersihan harian adalah dicadangkan seperti berikut:-

- a) membersihkan lantai dan longkang di dalam tandas;
- b) membersihkan kemudahan sanitari dan cermin;
- c) mengosong tong sampah dan mengganti plastik sampah;
- d) membersihkan kotoran yang jelas pada dinding dan kemudahan yang terdapat di dalam tandas;
- e) mengganti sabun cecair sekiranya habis; dan

- f) membersihkan contengan pada dinding, pintu dan kemudahan yang terdapat di dalam tandas.

5.5.2 Pembersihan mingguan

Kerja-kerja pembersihan mingguan adalah dicadangkan seperti berikut:-

- a) membersihkan dinding berjubin dan pintu;
- b) menyental lantai menggunakan pencuci dan pembasmi kuman;
- c) membersihkan habuk serta kekotoran lain pada kipas penyedut udara dan lampu;
- d) membersihkan tingkap;
- e) mencuci tong sampah;
- f) membersihkan sawang sekiranya ada;
- g) membersihkan lain-lain kemudahan tambahan sekiranya ada; dan
- h) menggilap kemudahan dari bahan tahan karat dan permukaan berkilat yang lain.

5.6 Rekod pembersihan

5.6.1 Kerja-kerja pembersihan harian dan mingguan hendaklah direkodkan.

5.6.2 Rekod pembersihan perlu dipamerkan di tempat yang sesuai.